

Surat Pembaca

Wawasan Kemakmuran Bersama pacu ekonomi

Ketika menghampiri fasa akhir Wawasan 2020, sememangnya kita menantikan pelan atau dasar baharu daripada kerajaan, sebagai kesinambungan.

Jadi kehadiran Wawasan Kemakmuran Bersama sebagai dasar baharu bagi memacu ekonomi negara untuk tempoh 2021 hingga 2030.

Kita perlu terima kenyataan betapa selepas 62 tahun merdeka, jurang pendapatan dan sosioekonomi antara rakyat dan negeri masih jauh dan membimbangkan.

Masih ada beberapa negeri ditakrifkan sebagai miskin seperti Kedah, Perlis dan Kelantan, manakala pendapatan rakyat juga tidak menentu apabila yang kaya semakin kaya dan yang miskin terus dihimpit pelbagai dugaan.

Kalau dulu kita jarang mendengar istilah miskin bandar, yang ada hanyalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat luar bandar. Namun hari ini masalah miskin bandar mula menjadi isu besar.

Secara prinsipnya kita sudah tahu apa masalah sosioekonomi yang sedang dihadapi anggota masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

Maka diharapkan dasar baharu ini mampu melihat secara terperinci setiap masalah yang ada, seterusnya merangka dasar dan pelan tindakan komprehensif ke arah mencapai wawasan digariskan menjelang 2030.

Dalam konteks ini antara per-



Peluang latihan kemahiran tinggi kepada golongan belia adalah perkara yang perlu diberi perhatian. [Foto hiasan]

kara yang mesti diberi perhatian ialah, peningkatan peluang pekerjaan terutamanya dalam bidang kemahiran tinggi, peluang latihan kemahiran tinggi kepada golongan belia, pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama dalam kalangan semua negeri, serta inisiatif ke arah membasmi masalah kemiskinan luar bandar dan miskin bandar.

Golongan belia mula merungut tidak mempunyai banyak peluang pekerjaan. Ini ditambah tuntutan kemahiran tinggi Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) yang bersandar penggunaan teknologi tinggi, inovasi dan kecerdasan buatan (AI).

Jadi dasar baharu perlu menyediakan peluang latihan secukupnya seperti diperlukan pasaran, supaya tenaga kerja yang

bakal dilahirkan boleh meneruskan survival kehidupan masing-masing.

Untuk itu semestinya kita perlu menjenamakan semula institusi latihan kemahiran dan kurikulum latihan sedia ada.

Perlu juga ada inisiatif serius merapatkan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat. Peningkatan kos sara hidup yang mendadak serta pendapatan rendah menyebabkan golongan berpendapatan sederhana dan rendah semakin terhimpit. Gaji diterima jelas terlalu kecil dan tidak mencukupi walaupun untuk memenuhi perbelanjaan keperluan hakiki.

Jurang pendapatan yang sangat tidak adil ini sudah mula menimbulkan pelbagai masalah sosial dalam kalangan masyarakat dan kita tidak mahu rakyat berpandangan, kerajaan tidak berbuat apa-apa atau gagal untuk menjaga kebajikan seperti dijanjikan.

Kita berharap menjelang 2030 sudah tidak ada lagi negeri dilabel miskin. Lantas Wawasan Kemakmuran Bersama perlu diangkat sebagai dasar penting untuk 10 tahun akan datang.

Semoga inisiatif baharu kerajaan ini dapat meningkatkan kebajikan rakyat seterusnya melonjakkan Malaysia sebagai paksi ekonomi serantau.

Noor Mohamad Shakil Hameed,
Universiti Putra Malaysia (UPM)